

PELAKSANAAN PENGAJARAN ILMU TAWJIH AL-QIRAAT DALAM KALANGAN PENSYARAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

(Implementation of teaching TAWJIH Al-Qiraat among lecturers in institutes of higher education in Malaysia)

* Muhammad Syafee Salihin bin Hasan¹, Khairatul Akmar Ab Latif² Rohana bt Zakaria³, Sharifah Noor Hidayah binti Syed Aziz⁴

Submitted: 23-Mei-2024
Accepted: 19-Mei-2024
Revised: 20-Jun-2024
Published: 30-Jun-2024

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: mrsyafee@uis.edu.my

Abstrak

Amalan pengajaran tenaga pengajar menjadi salah satu faktor kejayaan dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Kaedah pelaksanaan pengajaran yang tidak sesuai bakal menyumbang kelemahan terhadap pencapaian pelajar. Sorotan kajian lepas telah menjelaskan bahawa tenaga pengajar qiraat di IPT kurang berupaya merancang kreativiti dalam pengajaran dan kurang berkemampuan mengaplikasi kaedah pengajaran yang menyumbang terhadap kelemahan penguasaan ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan pelajar. Jesteru kajian dilaksanakan bagi meninjau kaedah pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan pensyarah di (IPT) Malaysia. Rekabentuk kajian ini adalah kajian tinjauan melalui pendekatan kualitatif dengan menemubual empat orang tenaga pengajar yang terlibat dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia. Data temu bual ditranskripsi dan dianalisis menggunakan perisian Nvivo 12 serta disusun berdasarkan pembentukan kategori dan tema. Dapatan kajian menjelaskan strategi berpusatkan guru dan pelajar, kaedah kuliah dan soal jawab, teknik lakaran papan putih, gabungan kitab, menulis kalimah yang berbeza dan memahami metod penulis kitab dipraktikkan semasa proses pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat*. Aktiviti pembentangan, mencari rujukan berbeza dan pembelajaran berasaskan masalah juga dilakukan semasa proses PdP berlangsung. Diharap kajian ini akan menjadi pencetus dan sumbangan baru kepada kajian berkaitan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di Malaysia pada masa akan datang.

Kata kunci: pelaksanaan, ilmu *tawjih al-qiraat*, IPT Malaysia

Abstract

The teaching practice of the teaching staff is one of the success factors in producing excellent students. Inadequate teaching methods will contribute to the weakness of student achievement. The highlights of previous studies have explained that qiraat instructors at IPT are less able to plan creativity in teaching and are less able to apply teaching methods that contribute to the weakness of mastery of *tawjih al-qiraat* among students. The study was carried out to review the teaching method of *tawjih al-qiraat* among lecturers in (IPT) Malaysia. The design of this study is a survey study through a qualitative approach by interviewing four teachers who are involved in teaching the science of *tawjih al-qiraat* at Malaysian IPT. The interview data was transcribed and analyzed using Nvivo 12 software and organized based on the formation of categories and themes. The findings of the study explain teacher and student-centered strategies, lecture and question-and-answer methods, whiteboard sketching techniques, combination of books, writing different words and understanding the methods of book writers are practiced during the process of teaching the science of *tawjih al-qiraat*. Presentation activities, finding different references and problem-based learning are also done during the PdP process. It is hoped that this study will be a trigger

and a new contribution to studies related to the teaching of *tawjih al-qiraat* in Malaysia in the future.

Keywords: implementation, knowledge of *tawjih al-qiraat*, Malaysian IPT.

1.0 PENGENALAN

Tenaga pengajar cemerlang adalah mereka yang memahami isi pelajaran, mempelbagaikan kaedah dari aktiviti pengajaran serta mempunyai kemahiran menggunakan alat bantu mengajar (ABM) yang pelbagai (Ab Halim Tamuri, 2010). Pengetahuan mendalam berkaitan kaedah dan teknik pengajaran mampu menarik perhatian pelajar serta mewujudkan pengajaran yang berkesan. Sebaliknya kelemahan terhadap kaedah dan teknik penyampaian akan memberi kesan terhadap pencapaian pelajar. Situasi ini dikukuhkan dengan dapatan Mujahid Ahmad Lutfi et al. (2022) yang menjelaskan tahap penguasaan ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana yang berpunca kelemahan pada aspek kaedah dan teknik pengajaran tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat*. Jesteru kajian ini akan membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan kaedah pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* institusi pengajian tinggi di Malaysia.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Silibus pengajaran ilmu qiraat IPT di Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama adalah berkaitan perbincangan teori berdasarkan syarahan *matn al-shatibiyyah* dan *al-durrah al-mudiyyah* sama ada bab *usul al-qiraat* dan *farsh al-huruf*. Peringkat kedua pula adalah berkaitan tatacara bacaan atau praktikal bacaan qiraat. Peringkat ketiga iaitu pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang membincangkan implikasi setiap perbezaan qiraat sama ada pada aspek bahasa Arab dan makna. Pengkaji mendapati kajian terdahulu lebih tertumpu membincangkan isu pengajaran qiraat di Malaysia berdasarkan peringkat pertama dan kedua sahaja. Antaranya isu pengajaran yang telah dibincangkan adalah seperti berikut.

Kajian Muhammad Hafiz Salleh, Abd Muhaimin Ahmad, Norazman Alias (2011) menjelaskan setiap pengajar ilmu qiraat mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah atau teknik pengajaran ilmu qiraat agar pembelajaran ilmu qiraat menjadi lebih menarik dan berkesan.

Kajian Sabri Mohamad (2012) pula menyatakan pelajar kurang memberikan tumpuan ketika proses pelaksanaan pengajaran dan tidak mengingati sepenuhnya pelajaran yang telah dipelajari di dalam kelas. Beliau mencadangkan agar pensyarah perlu mempelbagaikan perkaedahan pengajaran agar ia lebih memberi kesan dan dapat menarik minat pelajar untuk memberi penumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran pensyarah tersebut.

Kajian Abdul Jalal bin Abdul Manaf (2015) pula menyatakan guru qiraat di Malaysia kurang menguasai item-item yang berkaitan refleksi samada refleksi semasa pengajaran ataupun refleksi selepas pengajaran. Mereka juga kurang menguasai item-item berkaitan aktiviti dalam meningkatkan penguasaan pelajar, kurang menguasai penyediaan bahan bantuan mengajar yang sesuai dengan kebolehan pelajar dan kurang menguasai penyediaan soalan-soalan mengikut aras kefahaman pelajar.

Ahmad Mujahideen Yusoff, Muhammad Amiri Ab Ghani, Norhanis Amran, Ahmad Najib Abdullah (2021) penguasaan pelajar-pelajar berkenaan pengajian ilmu Qiraat berada pada peringkat sederhana. Perkara ini dikuatkan dengan data yang didapati dari teori dan amali. Oleh itu, faktor peningkatan proses pengajaran dan

pembelajaran secara teori dan amali sepatutnya ditingkatkan dan ditambahbaik supaya tahap penguasaan pengajaran ilmu *Qiraat* dalam kalangan pelajar dapat dinaikkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Kajian Mujahid Ahmad Lutfi et al. (2022) menyatakan tahap penguasaan ilmu *tawjih al-qiraat* majoriti ISMQQ KUIS berada pada tahap sederhana iaitu min (3.47). Faktor kelemahan penguasaan berpunca daripada kelemahan penguasaan ilmu *qiraat al-Riwayah*, kelemahan penguasaan bahasa Arab dan kelemahan kaedah dan teknik pengajaran tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat*.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah bagi mengenalpasti strategi, kaedah, teknik dan aktiviti yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar *qiraat* dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia

4.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui kaedah temu bual separa berstruktur bersama empat orang tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia bagi mendapat maklumbalas terhadap strategi, kaedah, teknik dan aktiviti yang dilaksanakan dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia. Selain itu, pemerhatian pengajaran juga dilakukan bagi melihat secara lebih terperinci proses pengajaran yang berlangsung.

4.1 Sampel Kajian

Bagi memastikan proses temu bual berjalan dengan lancar, pengkaji telah mengenal pasti responden yang terlibat dan membina hubungan yang rapat sebelum temu bual dijalankan. Jadual 1.0 berikut adalah senarai informan kajian kualitatif dalam fasa analisis keperluan.

Jadual 1.0 Senarai Informan Kajian Kualitatif

Nama	Tempat	Jawatan	Kepakaran	Tempoh Khidmat
Informan 1	UNISZA	Pensyarah Ilmu <i>Tawjih al-Qiraat</i>	<i>Qiraat al-riwayah</i> & <i>al-dirayah</i>	>10 Tahun
Informan 2	USIM	Pensyarah Ilmu <i>Tawjih al-Qiraat</i>	<i>Qiraat al-riwayah</i> & <i>al-dirayah</i>	>10 Tahun
Informan 3	UNISHAM	Pensyarah Ilmu <i>Tawjih al-Qiraat</i>	<i>Qiraat al-riwayah</i> & <i>al-dirayah</i>	>10 Tahun
Informan 4	UIS	Pensyarah Ilmu <i>Tawjih al-Qiraat</i>	<i>Qiraat al-riwayah</i> & <i>al-dirayah</i>	>10 Tahun


Pemilihan keempat-empat informan ini adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman mereka yang terlibat secara langsung dalam pengajaran *qiraat al-riwayah* dan *al-dirayah* IPT di Malaysia.

Keempat-empat informan yang ditemu bual secara bersemuka ini diajukan soalan berkaitan strategi, kaedah, teknik dan aktiviti yang dilaksanakan dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia. Temu bual bersama pakar-pakar terpilih ini dihentikan setelah data yang diperolehi mencapai tahap tepu (*saturate*) dan tiada lagi penemuan baru daripada pandangan informan pakar yang seterusnya.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Pelaksanaan semasa pengajaran merujuk kepada kaedah yang digunakan tenaga pengajar semasa mengemudi kelas pengajaran. Secara umumnya temu bual bersama empat informan adalah bagi menjawab persoalan kajian “Bolehkah tuan menjelaskan strategi, kaedah, teknik dan aktiviti yang digunakan dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat*? Selain temubual, data ditriangulasikan melalui kaedah pemerhatian langsung ke atas pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia.

Berdasarkan dapatan temu bual dan pemerhatian pengajaran, pengkaji membahagikan kaedah pelaksanaan semasa pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* kepada empat bahagian iaitu strategi, pendekatan, teknik dan aktiviti pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* seperti dipaparkan dalam rajah 1.0 berikut.



Rajah 1.0 Pelaksanaan Semasa Pengajaran
Sumber: Data Temubual dan Pemerhatian(2022)

5.1 Strategi Pengajaran

Strategi pengajaran merupakan set perancangan bagi mencapai matlamat dalam suatu pengajaran. Melalui strategi yang tepat akan memudahkan kefahaman pelajar serta membolehkan mereka menguasai sesuatu bidang. Berdasarkan dapatan kajian ini, strategi pengajaran dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

5.1.1 Berpusatkan guru

Berdasarkan maklumat informan berkaitan strategi pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat*, majoriti informan memilih strategi pengajaran berpusatkan kepada guru kerana kandungan ilmu *tawjih al-qiraat* berada pada tahap disiplin ilmu yang tinggi. Ini berdasarkan petikan berikut:

“Strategi tu pun takdelah mana sangat, just kita ada tutorial kuliah-kuliah, pahtu syarah lah sesuatu isu.” (TB/PK1/12.6.22/ M41-45)

Informan kedua pula menjelaskan pengajaran dilaksanakan lebih kepada sehala yang berpusatkan kepada guru.

“Pengajaran di peringkat universiti ni lebih kepada sehala, dari sudut kuliah ni kita akan huraikan secara umum metodologi dan juga cara pemahaman yang betul terhadap ilmu tawjih.” (TB/PK2/19.7.22/ M41-45)

Informan ketiga juga lebih menyukai strategi berpusatkan guru yang mana guru berperanan sepenuhnya dalam menyampaikan ilmu *tawjih al-qiraat*. Ini berdasarkan petikan berikut:

"Saya sendiri lebih suka kaedah tradisi yakni menggunakan kitab, baca satu-satu, dan anak murid ambil dengan kita secara harfi, berbaris dan sebagainya. Di samping kita menyampaikan ilmu berkait dengan isi kandungan tawjih ni, secara tidak langsung kita mengajar anak-anak kita ilmu nahu dan juga sorof." (TB/PK3/20.7.22/ M41-45)

Beliau menjelaskan kaedah membaca kitab dan syarah kepada pelajar yang mana ilmu ini disampaikan secara bersambung sanad daripada pengarang kitab kepada pelajar. Ini sebagaimana katanya:

"Tapi secara keseluruhannya saya sendiri sebagai orang yang menyampaikan kuliah tu, lebih selesa dengan cara baca kitab dan kita syarah kepada pelajar apa yang disampaikan oleh musonnif ataupun muallif kitab tadi dan pelajar ambil." (TB/PK3/20.7.22/ M41-45)

Seterusnya informan keempat juga memilih strategi berpusatkan guru dalam pengajaran disebabkan ketidakupayaan pelajar untuk membaca dan menghuraikan isi kandungan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* dengan baik. Ini berdasarkan petikan beliau:

"tawjih ni kalau ikut pengalaman saya, ia lebih berpusat kepada guru yang mensyarahkan, strategi kalau nak harapkan pelajar baca memang tak bunyi. Pernah juga dulu cuba, mengurangkan fungsi saya ni, bagi sama rata dengan pelajar, ia tak jadi dan jadi kesesatan yang nyata. Jadi, kebanyakan, kita betulkan juga akhirnya, bilamana mereka membuat pembentangan, saya juga yang akan syarahkan." (TB/PK4/3.8.22/ M41-45)

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati strategi pengajaran berpusatkan guru lebih mendominasi berbanding strategi pengajaran berpusatkan pelajar semasa sesi kelas berlangsung. Semasa PdP berlangsung, informan memberi penjelasan mendalam berkaitan tajuk yang di ajar, dan pada masa sama pelajar memberi tumpuan sepenuhnya terhadap isi pelajaran seolah-olah mereka tertarik dengan segala isi dan huraian yang disampaikan (OBS/ PK1 & PK2/ 15.10.22 & 20.10.22).

Dapatan kajian menjelaskan majoriti informan memilih untuk menggunakan strategi pengajaran berpusatkan guru berdasarkan beberapa faktor. Antaranya ialah kandungan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* berada pada tahap disiplin ilmu yang tinggi yang memerlukan kepada bimbingan daripada tenaga pengajar. Oleh itu, strategi berpusatkan guru iaitu guru berperanan sepenuhnya dalam menyampaikan ilmu *tawjih al-qiraat* menjadi pilihan utama dalam pengajaran. Informan juga menjelaskan melalui kaedah membaca kitab dan syarah kepada pelajar menjadi medium penghubung secara bersambung sanad daripada pengarang kitab kepada pelajar.

Strategi berpusatkan guru merupakan strategi lama atau traditional yang diamalkan dalam bilik kuliah. Namun berdasarkan konteks kajian ini, strategi berpusatkan guru adalah sesuai diamalkan oleh kerana faktor kandungan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* berada pada disiplin ilmu bahasa Arab yang tinggi. Tanpa kefahaman tata bahasa Arab yang mendalam dan memahami makna teks bahasa Arab dengan baik ia akan memberi implikasi salah faham terhadap aspek

kandungan ilmu ini. Meskipun strategi berpusatkan guru kurang sesuai dengan corak pengajaran abad ke-21 masa kini, penekanan strategi ini sesuai diaplikasikan bagi pembelajaran ilmu *tawjih al-qiraat* peringkat asas. Dalam masa yang sama strategi berpusatkan guru ini mampu membimbing pelajar yang lemah dan sederhana secara berterusan.

Maka, tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat* berperanan dalam menyampaikan kandungan ilmu *tawjih al-qiraat* yang sukar difahami oleh pelajar seperti menjelaskan *tawjih al-qiraat* berdasarkan ilmu bahasa Arab, implikasi tafsir berdasarkan perbezaan qiraat dan implikasi perbezaan hukum berdasarkan perbezaan qiraat.

5.1.2 STRATEGI BERPUSATKAN PELAJAR

Strategi berpusatkan kepada pelajar juga dilakukan dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia. Ini berdasarkan petikan informan keempat berikut:

"kadang-kadang tu kita suruh pelajar baca, kita tengok setara mana dari segi kemahiran bacaan dia." (TB/PK4/3.8.22/ M41-45)

Dapatan temubual dan pemerhatian menunjukkan strategi berpusatkan kepada pelajar kurang menjadi pilihan dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia. Meskipun demikian, strategi berpusatkan pelajar dipraktikkan semasa kelas tutorial. Dapatan menjelaskan bahawa tenaga pengajar memberikan tugas kepada pelajar dan meminta mereka membentangkan isi pelajaran pada waktu yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama tenaga pengajar akan bertindak memberi bimbingan terhadap kandungan pelajaran yang tidak mampu dibincangkan oleh pelajar.

Abdul Sukor Shaari et. al (2016) menjelaskan pembelajaran abad ke-21 memberi penekanan kepada komunikasi, kolaborasi, kritikal, dan kreativiti yang lebih berpusatkan pelajar bagi meningkatkan keberkesanan sesuatu pembelajaran. Maka mengikut konteks kajian ini, tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat* boleh bertindak sebagai fasilitator bagi melihat kemampuan pelajar dalam menghurai dan menjelaskan kandungan ilmu *tawjih al-qiraat* yang telah dibahagikan. Melalui strategi ini, pelajar bertindak aktif sepanjang proses PdP ilmu *tawjih al-qiraat* sebagaimana disaran oleh (Al-Balushi, Ambusaidi, al-Hajri & al-Sina 2020).

5.2 Kaedah Pengajaran

Kaedah pengajaran merupakan suatu prosedur yang sistematik dalam menyampaikan suatu pengajaran yang dapat membantu meningkatkan pengetahuan pelajar, kemahiran, mengubah sikap serta tingkah laku, menanam minat serta nilai yang diinginkan. Tenaga pengajar wajar memilih kaedah yang boleh memberi kesan mendalam kepada kefahaman serta memberi kesan kepada pelajar. Berdasarkan maklumat informan, pengkaji mendapati pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* melalui kaedah kuliah dan kaedah soal jawab.

5.2.1 Kaedah kuliah

Dapatan temu bual menjelaskan kaedah syarahan atau kuliah paling kerap digunakan dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia. Ini berdasarkan petikan informan berikut:

"Dari sudut kuliah kita akan huraikan secara umum metodologi dan juga cara pemahaman yang betul terhadap ilmu tawjih kemudian"

masa tutorial kita bagi kepada pelajar assignment tugas untuk dia bentang. Jadi di situ lebih lengkap kefahaman dan penguasaan pelajar.” (TB/PK2/19.7.22/ M46-50)

“Kemudian dari sudut kaedah, banyak syarah kitab, tumpu pada satu kitab.” (TB/PK4/3.8.22/ M46-50)

Berdasarkan pemerhatian pengajaran, pengkaji mendapati kaedah kuliah merupakan kaedah utama yang digunakan oleh tenaga pengajar semasa sesi PdP ilmu *tawjih al-qiraat* berlangsung. Selepas memastikan pelajar dalam keadaan bersedia, informan memulakan kuliah berdasarkan tajuk sebagaimana termaktub dalam maklumat kursus. Informan pertama menjelaskan terdapat tiga rukun yang perlu dipenuhi bagi memastikan qiraat diterima iaitu pertama bertepatan kaedah bahasa Arab, bertepatan dengan salah satu penulisan mashaf-mashaf Uthmaniyah dan sanad yang mutawatir. Manakala informan kedua pula membincangkan tajuk berkaitan *idgham* yang terdiri daripada pembahagian *idgham*, hukum *idgham* dan *tawjih idgham* (OBS/ PK1 & PK2/ 15.10.22 & 20.10.22).

Dapatan ini disokong Al-Syaibani (1991) yang menyatakan kaedah kuliah atau syarahan adalah bermula dengan tenaga pengajar memberi penerangan secara umum dan diikuti dengan penjelasan mendalam tentang tajuk yang ingin disampaikan. Kaedah kuliah atau syarahan ini boleh dilaksanakan dalam tiga peringkat penting iaitu bermula dengan penyampaian idea umum dan ringkas, huraian tentang idea tersebut serta huraian secara lebih mendalam dan menyeluruh tanpa wujud sebarang kekaburan (Ibnu Khaldun 2005).

5.2.2 Kaedah Soal Jawab

Kaedah soal jawab juga menjadi pilihan tenaga pengajar semasa proses pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat*. Kaedah soal jawab yang dipraktikkan oleh informan berdasarkan petikan berikut:

“kadang-kadang ada soal jawab juga, yang mana tak faham, boleh bertanya.” (TB/PK1/12.6.22/ M46-50)

“Hmm berlaku interaktif tu ketika mana kita ajukan soalan dan sebagainya.” (TB/PK3/20.7.22/ M46-50)

Namun, informan keempat menyatakan terdapat kesukaran untuk melaksanakan kaedah soal jawab dalam pengajaran atas kekangan tahap kefahaman ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan pelajar yang berada pada tahap sederhana.

“Dari sudut soal jawab tu, memang susah sikit nak ada soal jawab dari pelajar, banyak kita yang soal jawab dengan pelajar.” (TB/PK4/3.8.22/ M46-50)

Dapatan data pemerhatian mendapati kaedah soal jawab dipraktikkan dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat*. Setelah menerangkan isi pelajaran berkaitan *tawjih idgham*, informan akan bertanya kepada pelajar sama ada mereka memahami atau tidak berkaitan perbincangan *idgham* yang dibincangkan. Setelah pelajar memberikan respon positif pertanyaan daripada informan sebagai tanda faham segala yang diterangkan, informan terus mendatangkan beberapa contoh daripada ayat al-Quran yang mempunyai hukum *idgham* (OBS/ PK2/ 20.10.22). Tenaga pengajar juga akan mengulangi semula pengajaran bagi menghilangkan

salah faham terhadap kandungan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang telah disampaikan.

Al-Na'imi (1994) menjelaskan kaedah soal jawab merupakan satu kaedah berkesan dalam proses pengajaran yang mampu mewujudkan keadaan dua hala yang positif antara tenaga pengajar dan pelajar serta memberi kepuasan kepada pelajar dalam memahami apa yang dipelajari. Sementara itu, Abū Fattāh al-Ghuddah (2003) pula menjelaskan kaedah dialog dan soal jawab mampu menarik perhatian pendengar dan mengajak mereka agar berfikir dengan menggunakan idea yang lebih bernas.

5.3 TEKNIK PENGAJARAN

Teknik pengajaran adalah merujuk kepada cara yang khusus yang digunakan oleh seseorang tenaga pengajar. Kepelbagaian teknik yang digunakan oleh tenaga pengajar akan menjadikan pengajaran lebih bermakna dan menyeronokkan. Seseorang tenaga pengajar mestilah mahir menggunakan teknik agar dapat menarik minat dan motivasi pelajar untuk belajar. Setiap pengajaran terdapat pelbagai cara dan teknik yang boleh digunakan, namun tiada satu pun teknik yang dianggap paling sesuai dan boleh digunakan untuk semua situasi atau sesi pengajaran. Berdasarkan teknik pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat*, pengkaji mendapati terdapat beberapa teknik yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap ilmu *tawjih al-qiraat*. Teknik lakaran pada papan putih, menulis kalimah yang berbeza dan memahami metod penulis di antara teknik pengajaran yang dipraktikkan oleh tenaga pengajar ilmu ini.

5.3.1 Teknik lakaran pada papan putih

Informan pertama menjelaskan semasa sesi penyampaian kuliah ilmu *tawjih al-qiraat*, beliau menggunakan teknik lakaran pada papan putih pada *khilaf* qiraat yang sukar difahami oleh pelajar. Ini berdasarkan petikan berikut:

"Dari sudut penyampaian tu, macam lakaran adalah benda macam tu, lebih dari tu tiadalah. Sebab dia natural subjek, kalau sekadar menggunakan gambar rajah adalah." (TB/PK1/12.6.22/ M51-55)

5.3.2 Gabungan kitab

Menurut informan satu lagi, beliau menggabungkan dan mengolah pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* berdasarkan dua rujukan kitab utama iaitu berkaitan *fiqh* dan berkaitan qiraat semasa pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* dilaksanakan. Ini berdasarkan petikan berikut:

"kita menggunakan kitab Athar al-Qiraat fi al-Islami, kitab mutawattirah Athar wa al-Ta'thir fi Rasm Uthmani wa Ahkam Fiqhiyyah, lebih kurang begitu lah karya Dr. 'Abbas. Dua kitab tu, kita gabungkan dua benda tu, kemudian kita olah ia. Maknanya pelajar boleh lihat kepentingan dari aspek perbincangan ulama tafsir dan fiqh umpamanya." (TB/PK1/12.6.22/ M51-55)

5.3.3 Memahami metod penulis

Selain itu, teknik yang digunakan informan kedua dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat*, adalah teknik menguasai dan memahami metod penulis kitab. Kefahaman terhadap metod penulisan kitab akan membantu para pelajar memahami perbincangan ilmu *tawjih al-qiraat* dengan lebih mendalam. Ini berdasarkan petikan berikut:

“Dia hanya tumpu kepada tawjih sahaja, walaupun tak dinyatakan pembaca qiraat man yaqra' haza wa man yaqra' haza, tapi pensyarah mestilah mengetahui bacaan pertama ni ashab tawassut ke, rumuz nafar ke, suhba ke, ataupun sihab ke, dia kena tahu siapa yang baca tu dan al-baqi. Dari situ penguasaan terhadap segala uslub metod penulisan kita mesti faham.” (TB/PK2/19.7.22/ M51-55)

5.3.4 Menulis kalimah yang berbeza

Seterusnya, informan keempat pula menyatakan beliau menggunakan teknik menulis kalimah qiraat, menyenaraikan bacaan mengikut imam dan menjelaskan *tawjih* dari sudut ilmu *lughah*. Ini berdasarkan petikan berikut:

“Teknik ni biasanya saya tulis, tawjih ni memang kena tulis, macam contoh qiraat tentang nak mengesan fa'il dan mengesan maf'ul, memang tak jumpalah mereka, kita kena tulis ayat bacaan Hafs apa dia, bacaan imam lain apa. Kena tandakan, kalau bacaan Hafs ini fa'il, yang ni maf'ul, kalau macam imam lain yang ni jadi maf'ul yang ni jadi fa'il, memang teknik dia begitu la.” (TB/PK4/3.8.22/ M51-55)

Dapatan kajian menjelaskan teknik lakaran pada papan putih, gabungan kitab, memahami metode penulis dan menulis kalimah yang berbeza di antara teknik yang dipraktikkan dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* IPT di Malaysia. Teknik lakaran yang dilakukan oleh tenaga pengajar adalah dengan menyenaraikan *khilaf* qiraat yang sukar difahami oleh pelajar. Seterusnya tenaga pengajar akan menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan makna dan implikasi yang terhasil daripada perbezaan bacaan.

Selain itu, teknik gabungan kitab juga dilaksanakan dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang mana tenaga pengajar mengolah pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* berdasarkan dua rujukan utama iaitu kitab *Athar al-Qiraat fi al-Islami, kitab mutawattirah: Athar wa al-Ta'thir fi Rasm Uthmani wa Ahkam Fiqhiyyah*. Gabungan dua kitab ini dapat mendedahkan kepada pelajar berkaitan implikasi perbezaan bacaan dalam kalangan imam 10 terhadap tafsir dan perkaitannya terhadap hukum *fiqh*.

Teknik berikutnya adalah menguasai dan memahami metode penulis kitab. Kefahaman terhadap metode penulisan kitab akan membantu para pelajar memahami perbahasan ilmu *tawjih al-qiraat* dengan lebih mendalam. Informan menjelaskan kitab *Tala'iu al-Bisyri* karya Muhammad Sadiq Qamhawi (2006) dijadikan sebagai rujukan utama dalam pengajaran di mana kitab ini terus tertumpu pada aspek *tawjih al-qiraat*, serta tidak dijelaskan dengan terperinci perbezaan qiraat mengikut imam-imam tertentu. Oleh itu, kefahaman terhadap metode penulisan dalam sesuatu kitab akan membantu tenaga pengajar mengolah pelajaran dengan lebih baik dan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap ilmu ini.

Teknik keempat adalah teknik menulis kalimah qiraat. Teknik ini dilakukan selepas tenaga pengajar menerangkan suatu *khilaf* qiraat yang kurang difahami oleh pelajar. Berdasarkan teknik ini, tenaga pengajar akan menulis kalimah-kalimah yang terdapat perbezaan qiraat, disusuli dengan penjelasan bacaan mengikut imam-imam qiraat dan menerangkan *tawjih* pada kalimah tersebut berdasarkan ilmu bahasa Arab.

Kesimpulannya, keempat-empat teknik ini bersesuaian dilaksanakan berdasarkan situasi dan keadaan sebagaimana dijelaskan oleh (Rosny Maidin dan Kamariah Abu Bakar 2020) yang menyatakan teknik yang digunakan hendaklah bergantung kepada situasi dan berdasarkan minat pelajar serta bahan pengajaran yang hendak disampaikan.

5.4 Aktiviti Semasa Pengajaran

Proses pengajaran berjaya atau gagal dinilai sejauh mana kemampuan tenaga pengajar mengurus proses pengajaran dan pembelajaran. Kreativiti seorang tenaga pengajar dalam mengurus aktiviti dalam kelas berperanan menjadikan kelas aktif ceria, tidak kaku dan membosankan, lebih-lebih lagi sekiranya kursus yang dipelajari memerlukan penguasaan disiplin pelbagai ilmu. Berdasarkan konteks kajian, pengkaji mendapati aktiviti pembentangan, mencari rujukan berbeza dan pembelajaran berasaskan masalah dilaksanakan semasa proses PdP ilmu *tawjih al-qiraat*.

5.4.1 Pembentangan

Informan satu dan dua menjelaskan pelajar akan dibahagikan mengikut kumpulan dan tajuk-tajuk tertentu sebagai tugas mereka. Seterusnya mereka akan membentangkan perbincangan mengikut yang telah ditetapkan bagi melihat sejauhmana kefahaman mereka terhadap tugas yang diberikan. Hal ini sebagaimana kenyataan berikut:

"hmm, dibentang mengikut kumpulan untuk melihat sejauh mana kefahaman mereka berkaitan isu tersebut, bagaimana ulama kupas dalam perbincangan tersebut, apa-apa isu yang berbangkit mungkin itu boleh dibincangkan melalui dalam sesi pembentangan mereka." (TB/PK1/12.6.22/ M56-60)

"Hhm, kita minta pelajar di samping kita hurai makna dan maksud dalam sesi kuliah tu, kita nak supaya mereka memahami dan boleh menghurai secara sendiri untuk kita faham tahap penguasaan mereka ni, sama ada dalam bentuk presentation, assignment ataupun slide." (TB/PK2/19.7.22/ M56-60)

Dapatan temubual dan pemerhatian menjelaskan pelajar akan dibahagikan mengikut kumpulan dan tajuk-tajuk tertentu sebagai tugas mereka. Seterusnya mereka akan membentangkan perbincangan mengikut tajuk yang telah ditetapkan bagi melihat sejauhmana kefahaman mereka terhadap tugas yang diberikan. Dapatan ini selari dengan pandangan Zainora Daud (2015) yang menjelaskan kaedah pembentangan mampu meningkatkan kefahaman dan penguasaan qiraat dalam kalangan pelajar. Setelah selesai sesi pembentangan, tenaga pengajar akan bertanya secara rawak tentang topik berkaitan dan membuat kesimpulan atau rumusan topik-topik yang telah dibincangkan dalam tugas.

5.4.2 Mencari rujukan berbeza

Informan ketiga pula meminta pelajar untuk mencari rujukan lain selain daripada kitab rujukan utama. Oleh kerana ilmu *tawjih al-qiraat* sangat berkait dengan ilmu tafsir, maka tenaga pengajar meminta pelajar untuk merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti tafsir Ibn Jarir al-Tabari bagi mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu *khilaf* qiraat. Ini sebagaimana berdasarkan petikan berikut:

"Jadi saya mintak pelajar cari rujukan kitab selain daripada kitab ni, mungkin dalam tafsir, tafsir Tabari contohnya. Dia bukanlah kitab yang khusus dalam tawjih tapi dia ada sebut dalam itu. Dalam tawjih dia ada sebutkan bila menafsirkan ayat-ayat tertentu. Banyak juga

tafsir-tafsir yang lain menjelaskan secara tak langsung ilmu tawjih ni."
(TB/PK3/20.7.22/ M56-60)

5.4.3 Pembelajaran berasaskan masalah

Aktiviti pengajaran informan keempat adalah menyediakan satu teks ayat al-Quran, dan meminta pelajar menentukan kategori *tawjih al-qiraat* dan meminta pelajar untuk menjelaskan *tawjih al-qiraat* serta implikasi terhadap ilmu *lughah*, tafsir dan perbezaan hukum. Ini berdasarkan petikan berikut:

"Hmm, pernah saya sediakan satu teks, kemudian mereka kena tentukan kaedah tawjih. Metod tu kita bagi, setiap kumpulan ataupun individu ni mencari tawjihnya dan tentukan, maknanya tawjih dari sudut apa, yang ni sudut apa, yang ni ouput tawjih dia apa, atau terus pada tafsir. Masa belajar tawjih 1 tu, tawjih dari sudut nahu, sorof, balaghah, tafsiriyah, ahkam...jadi bila mereka gunakan teks yang saya bagi tu, mereka kena cari, tentukan tawjih apa. Itu salah satu aktiviti untuk mengenal pasti tawjih la." (TB/PK4/3.8.22/ M56-60)

Dapatan kajian menjelaskan informan melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah (PBL) dengan menyediakan satu teks ayat al-Quran. Seterusnya pelajar diminta untuk menentukan kategori *tawjih al-qiraat*, menjelaskan *tawjih al-qiraat* serta implikasi terhadap ilmu *lughah*, tafsir atau perbezaan hukum. Proses pembelajaran berasaskan masalah ini mampu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kandungan ilmu *tawjih al-qiraat*. Dapatan ini selari dengan Siti Fatimah Omar Bakri dan Azlinah Dakarlan (2017) yang menjelaskan pendekatan PBL mampu meningkatkan kemahiran berfikir pelajar seperti menyelesaikan masalah, pemikiran analitis dan kritis serta berjaya merangsang pelajar untuk menyampaikan idea-idea mereka dengan lebih menarik, teratur dan memberikan respon peribadi yang baik.

Kesimpulannya, Aktiviti pengajaran adalah penting untuk dititiberatkan oleh tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat* kerana keupayaan seorang tenaga pengajar dalam melaksanakan aktiviti pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang kreatif dapat menarik minat dan memberi semangat kepada pelajar untuk mempelajari ilmu ini.

6.0 KESIMPULAN

Tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat* perlu mengambil inisiatif dengan mempelbagaikan kaedah atau teknik pengajaran agar proses pelaksanaan PdP ilmu ini menjadi lebih menarik dan berkesan. Selain itu, pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* juga perlu disusun mengikut kerangka pengajaran lengkap agar signifikan pengajaran dapat dicapai mengikut objektif dan mampu menghasilkan pengajaran bersifat dinamik. Hal ini kerana graduan yang bakal dilahirkan dalam opsyen program ijazah sarjana muda al-quran al-qiraat memiliki kelayakan dan berpeluang untuk diserap sebagai tenaga pengajar *tawjih al-qiraat* pada masa akan datang.

Secara lebih khusus, bidang kemahiran *tawjih al-qiraat* seharusnya dapat diperkasakan dalam sistem pengajian tinggi terutama kepada mahasiswa tahfiz dan qiraat. Seiring pengajaran *tawjih al-qiraat* di IPT, kemampuan tenaga pengajar dalam melaksanakan amalan pengajaran secara terancang dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Pendek kata, pelaksanaan pengajaran

berdasarkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang pelbagai akan menghasilkan pengajaran yang berkualiti.

7.0 RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal Of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab Halim Tamuri. (2007b). Islamic Education Teachers' Perceptions of The Teaching of Akhlaq in Malaysian Secondary Schools. *Journal of Moral Education*, 36(3): 371-386.
- Abd al-Fattah Al-Qadi. (1955). *Al-Budur al-Zahirah Fi al-Qirāāt al-'Asyra al-Mutawatirah Min Tariq al- Shatibiyyah Wa al-Durrah*. Kaherah: Maktabah 'Isa Al-Bab Al-Halabi.
- Abdul 'Ali al-Mas'ul. (2007). *Mu'jam Mustalahat 'Ilmi al-Qiraat*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Abdul 'Alim. (1981). *Al-Muwajjih al-Fanni li al-Mudarris al-Lughah al-Arabiyya*. Cairo: Dar Al-Ma'arif.
- Abdul Jalal Abdul Manaf. (2015). Pengetahuan Pedagogi Am Ilmu Qiraat dalam Kalangan Guru Qiraat di Malaysia. *Seminar Serantau Pengajian Qiraat (SISPEQ) - UKM*.
- Abdul Rahman Abdul Ghani. (2016). Cara Guru Tahfiz Mendepani Pendidikan Abad ke 21. *Seminar Tahfiz kali ke-3 Selangor*.
- Abdul Sukor Shaari. (2011). *Pedagogi dari Sekolah ke Institusi Pendidikan Tinggi*. Sintok, Kedah: Penerbit UUM.
- Abdul Sukor Shaari et. al. (2016). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Dan Masalah Yang Dihadapi Guru-Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceedings of the ICERS 1(1)*, 599-608.
- Abu Fattah Ghuddah. 2003. *Prophet Muhammad the Teacher: and his teaching methodologies*. Zam Zam Publishers, Karachi
- Ahmad Junaidi. (2018). Faktor Penguasaan Qirāāt al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar Kelas Khas Membaca Dan Menghafal Al-Quran (Kkq) Di Negeri Perak. Tesis Master UPSI 2018.
- Ahmad Sunawari Long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Penerbit UKM: ISBN: 9789674120511
- Ahmad Mujahideen Yusoff, Muhammad Amiri Ab Ghani, Norhanis Amran, Ahmad Najib Abdullah. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat MAIK. *Jurnal Dunia Pendidikan*, e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 2, 449-458, 2021.
- Al-Balushi, Ambusaidi, al-Hajri & al-Sina. (2020). Student-centred and teacher-centred Science Classroom as Visualized by Science Teachers and Their Supervisors. *Teaching and Teacher Education (39)*, 1-10.
- Al-Na'imi, Abdullah al-Amin. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Al-Syaibani, Omar. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam (Terj. Hasan Langgulung)*. Shah Alam: HIZBI Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.

- Ee Ah Meng. (1997). *Pedagogi II : Pelaksanaan Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ee Ah Meng. (1999). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Ikmal Zaidi Hashim. (2015). Keperluan Aplikasi al-Dirayah Dalam Pengajian Ilmu Qiraat di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS*, 69.
- Ikmal Zaidi Hashim. (2016). Konsep al-Riwāyah dan al-Dirāyah Dalam Pengajian Ilmu al-Qirāāt. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis*, 69-88.
- Izuli Dzulkifli. (2016). Peranan Qiraat Dalam Pentafsiran al-Quran. *Jurnal Hadhari Volume 8 (1)*, 103 - 111.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mardhiah Yayaha. (2021). *Pembangunan Model Pengajaran Tahfiz dengan TMK*. Tesis PHD UPSI.
- Mohd A'Tarahim Mohd Razali. (2016). Perbandingan Qira'at Mutawatirah 'Farsh Al-Huruf' Dan Perkaitannya Dalam Perbezaan Hukum Fikah Berkaitan Ihram. *Jurnal Hadhari UKM*.
- Mohd Nasir Ibrahim. (2006). Penggunaan Isu Semasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/57260/>.
- Mohd Nazir Kadir. (2016). Analisis Perbezaan Qiraat Dalam Riwayat Hafs Dan Syu'bah Terhadap Ayat-Ayat Hukum. Tesis Master UTM.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh. (2020). *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Minda Intelek Agency. Cetakan Pertama.
- Muhammad Fadlly, Wan Rosmani dan Wahidah Mat Said (2020). (n.d.). Pengenalan Tawjih Rasm 'Uthmānī dan Hubungannya dengan Ilmu Tafsir. *Jurnal Al-Sirat*, 1(19), 58-66.
- Muhammad Fairuz A. Adi. (2020). Aplikasi Tawjih al-Qiraat Dengan Hadis Di Sisi Imam Al-Sakhawi dalam Fath al-Qasid Fi Syarh al-Qasid. *Jurnal Qiraat KUIS*.
- Muhammad Hafiz Saleh et. al. (2011). Keberkesanan Mempelajari Ilmu Qiraat: Antara Harapan, Cabaran dan Penyelesaian Masalah. *Seminar Qiraat Kebangsaan*. Gombak: UIAM.
- Mujahid Ahmad Lutfi et. al. (2022). Tahap Penguasaan Ilmu Dalam Kalangan Pelajar Ism Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis. E-CIB Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat siri-3 (2022). Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) KUIS.
- Siti Fatimah Omar Bakri & Dakarlan, Azlinah (2017) *Pembelajaran berasaskan masalah*. In: International Conference on the Scholarship of Teaching and Learning (ICSOTL 2017), 4 - 5 April 2017, UUM EDC Hotels & Resorts, Sintok, Kedah, Malaysia.
- Rosny Maidin, Kamariah Abu Bakar. (2020). Keberkesanan Teknik Simulasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Di Tadika: Satu Kajian Awal. *International Journal of Education, Psychology, and Counselling*, Vol 5, (35), (pp 92-106).
- Sabri Mohamad. (2012). Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan. *Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Zainora Daud (2015). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat Di Darul Quran Dan Ma'ahad Tahfiz Al-Quran di Malaysia. Tesis Phd Um.